

Kata Nama Am

1. Ibu Amizan adalah seorang
 - A) nelayan
 - B) tukang jahit
 - C) tukang kayu

2. Abang bekerja sebagai mekanik di Pak Ibrahim itu.
 - A) bengkel
 - B) restoren
 - C) klinik

3. itu ada sepuluh tingkat.
 - A) Rumah panjang
 - B) Rumah teres
 - C) Rumah pangsa

4. Di pasar malam ada yang menjual pelbagai jenis makanan.
 - A) pelakon
 - B) peniaga
 - C) petani

5. Ayah menyimpan perkakasan itu di dalam
 - A) gudang
 - B) kereta
 - C) setor

Kata Nama Khas

1. Abang membeli sebuah radio berjenama
 - A) Sony
 - B) Honda
 - C) Rolex

2. Adik sedang membaca buku cerita yang berjudul
 - A) Sang Kancil dan Sang Buaya
 - B) Menara Berkembar Petronas
 - C) Baba Kemerdekaan Malaysia

3. Pulau Langkawi terletak di negeri
 - A) Perak
 - B) Melaka
 - C) Kedah

4. Hari Kemerdekaan negara kita jatuh pada bulan
 - A) Mac
 - B) April
 - C) Ogos

5. Ani menghadiahi sejambak bunga kepada gurunya pada
 - A) Hari Kebangsaan
 - B) Hari Guru
 - C) Hari Krismas

Kata Ganti Nama Diri

1. Di manakah tinggal?
 - A) awak
 - B) kami
 - C) aku

2. berkelah di Sungai Congkak.
 - A) Dia
 - B) Beta
 - C) Kami

3. amat disenangi oleh rakyat.
 - A) Dia
 - B) Beliau
 - C) Mereka

4. Sudahkah membasuh kasut?
 - A) saya
 - B) beliau
 - C) kamu

5. Tahniah di atas kejayaan
 - A) anda
 - B) dia
 - C) kami

Kata Sendi Nama

1. Adik menerima hadiah ibu
 - A) ke
 - B) dari
 - C) daripada

2. Kami hendak perpustakaan.
 - A) ke
 - B) dari
 - C) untuk

3. Tarikh lahir ayah jatuh 14 Mac 1971.
 - A) di
 - B) pada
 - C) untuk

4. Ahmad sekeluarga baru sahaja sampai Pulau Pinang.
 - A) dari
 - B) kepada
 - C) ke

5. Rumah datuk saya terletak tepi sungai.
 - A) kepada
 - B) dari
 - C) di

Kata Hubung

1. Azman Nursani yang akan dipilih sebagai ketua kelas?
A) lalu
B) dan
C) atau

2. Hamid sakit perut termakan kuih basi.
A) atau
B) kerana
C) tetapi

3. Fauzah rajin Adiknya malas.
A) kerana
B) sambil
C) tetapi

4. Saya mengambil air menghulurkan kepada ibu.
A) dan
B) lalu
C) atau

5. Saya membaca buku menunggu ayah di bawah pokok.
A) dan
B) kerana
C) sambil

Kata Adjektif

1. Bau bunga ros itu sangat
 - A) harum
 - B) busuk
 - C) hamis

2. Negara kita sentiasa dalam keadaan dan damai.
 - A) sunyi
 - B) kacau
 - C) aman

3. Bayi itu sungguh
 - A) garang
 - B) comel
 - C) menawan

4. Adik mencuci pinggan-mangkuk yang itu.
 - A) bersih
 - B) kotor
 - C) licin

5. Isi buah manggis berwarna
 - A) hitam
 - B) kelabu
 - C) putih

Kata Seru

1. _____, sakitnya kepala ini!
 - A. Amboi
 - B. Aduh
 - C. Cis

2. _____, cantiknya baju awak!
 - A. Amboi
 - B. Eh
 - C. Nah

3. _____, lama kita tidak bertemu!
 - A. Oh
 - B. Wah
 - C. Hai

4. _____, berani kau tuduh aku!
 - A. Nah
 - B. Cis
 - C. Hai

5. _____, lihatlah sendiri hasilnya.
 - A. Eh
 - B. Hai
 - C. Nah

Kata Tanya

1. Harga buah rambutan ini _____?
 - A. berapa
 - B. siapa
 - C. mengapa

2. _____ hendak menaikkan layang-layang?
 - A. Bilakah
 - B. Di manakah
 - C. Bagaimanakah

3. _____kah yang bersembunyi di belakang bangunan itu?
 - A. Mengapa
 - B. Siapa
 - C. Apa

4. Sejak _____kah kamu berada di sini?
 - A. bila
 - B. berapa
 - C. mengapa

5. _____kah mereka didenda?
 - A. Di mana
 - B. Mengapa
 - C. Siapa

Penjodoh Bilangan

1. Guru kelas kami menghadiahkan kami se_____ pen.
 - a. laras
 - b. bentuk
 - c. batang

2. Kakak memotong se_____ buah mangga.
 - a. ulas
 - b. biji
 - c. gugus

3. Abang membeli se_____ cincin untuk isterinya.
 - a. laras
 - b. kuntum
 - c. bentuk

4. Ibu memasukkan se_____ garam ke dalam masakan.
 - a. cubit
 - b. ketul
 - c. longgok

5. Terdapat se_____ bunga di meja Cikgu Latifah.
 - a. ikat
 - b. longgok
 - c. jambang

Kata ganda

1. Gigi adik sakit kerana terlalu banyak makan _____.
 - a. gula-gula
 - b. rama-rama
 - c. daun-daun

2. _____ diminta beratur di dataran.
 - a. jari-jari
 - b. tamu-tamu
 - c. murid-murid

3. _____ telinga Mariam luka kerana tercucuk benda tajam.
 - a. dedaun
 - b. bebola
 - c. gegendang

4. Rumah yang sudah usang itu dipenuhi dengan sarang _____.
 - a. labah-labah
 - b. rama-rama
 - c. nyamuk-nyamuk

5. Ibu menghidangkan sepiring agar-agar laici kepada _____.
 - a. bebuli
 - b. tetamu
 - c. kekabu

